



INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN
JABATAN TENAGA MANUSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JALAN KUCHAI LAMA
58200 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-79817495/6
Faks : 03-79832987
Laman web : www.ilpkl.gov.my

PELAKSANAAN PEPERIKSAAN AKHIR INSTITUT LATIHAN JABATAN TENAGA MANUSIA (ILJTM) SECARA DALAM TALIAN

Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur ingin merujuk pengumuman YB Menteri Kanan Pertahanan berhubung pelanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) akan dikuatkuasakan di semua negeri di Semenanjung Malaysia kecuali Perlis, Pahang dan Kelantan selama empat minggu mulai 9 November 2020 hingga 6 Disember 2020.

Selaras dengan pelanjutan PKPB, **peperiksaan akhir ILJTM dan pembentangan projek tahun akhir (PTA) akan dilaksanakan secara dalam talian**. Memo Jabatan JTM/HQ/900-3/1 Jld.4 (23) adalah dirujuk.

Justeru itu, pelajar diminta bersedia dan perlu menjalani peperiksaan berdasarkan jadual yang ditetapkan oleh Jabatan. Kegagalan pelajar untuk menduduki peperiksaan akhir akan diberi status **GAGAL** modul tersebut dan **PERLU MENGULANG** keseluruhan modul pada semester depan sekiranya ditawarkan (Rujuk Panduan Peperiksaan dan Persijilan yang sedang berkuatkuasa).

Pelajar Diploma Automotif dan PJE hendaklah menyiapkan laporan projek tahun akhir dan bersedia melakukan pembentangan secara dalam talian.

Maklumat peperiksaan, pembentangan PTA dan kaedah pelaksanaan akan dimaklumkan dari masa ke semasa oleh pengajar. Pelajar perlu sentiasa mengambil maklum setiap hebahan tersebut.

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PEPERIKSAAN AKHIR SECARA DALAM TALIAN
ILP KUALA LUMPUR** boleh didapati melalui portal rasmi ILPKL, www.ilpkl.gov.my.

-TAMAT-

PENGARAH
INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN KUALA LUMPUR
16 November 2020